

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 16 APRIL 2016 |

Turki hargai komitmen Malaysia

Um - 16/4/2016

ISTANBUL 15 April - Malaysia hari ini menyatakan komitmen dan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Turki sebagai Pengerusi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan membantu Sekretariat OIC dalam berhadapan dengan cabaran semasa dunia Islam.

"Turki sendiri melihat Malaysia sebagai salah sebuah negara yang penting dalam pertubuhan itu dan meletakkan harapan yang tinggi kepada Malaysia untuk membantu mereka berhadapan dengan cabaran semasa," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Sidang Kemuncak OIC Ke-13, di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dinyatakan dalam pertemuan beliau dengan Presiden Turki, Recep Tayyip Erdogan dan Setiausaha Agung OIC, Iyad Ameen Madani.

Menurut Najib, dalam konteks peranan Malaysia dalam OIC, profil Malaysia sentiasa tinggi di mata negara-negara ahli.

"Maknanya, kepemimpinan Malaysia masih menyerlah dalam OIC, mereka menghormati kita dan mengharapkan Malaysia dapat menyumbang kepada pertubuhan ini,"



Maknanya, kepemimpinan Malaysia masih menyerlah dalam OIC, mereka menghormati kita dan mengharapkan Malaysia dapat menyumbang kepada pertubuhan ini."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

katanya.

Perdana Menteri mengetuai delegasi Malaysia dalam sidang kemuncak yang dihadiri oleh 57 buah negara.

Persidangan yang bertemakan Penyatuan dan Perpaduan Demi Keadilan dan Keamanan itu turut memberi fokus kepada beberapa isu lain antaranya perpaduan ummah, ancaman Islamophobia dan kumpulan militan IS serta isu negara Palestin.

Menurut Perdana Menteri lagi, beliau turut menekankan konsep kesederhanaan atau wasatiyyah yang perlu dijadikan amalan dalam

setiap pendekatan dan tindakan.

"Saya sarankan dalam kita tekankan soal penyatuan dan perpaduan negara-negara ahli yang masih menghantui kita. Kita kena ada pendekatan secara wasatiyyah.

"Konsep umat Islam sebagai umat sederhana, umat yang terbaik perlu dijadikan landasan untuk diperjuangkan oleh negara Islam berdasarkan kepada semangat saling hormat menghormati sama ada sesama umat Islam dan bukan Islam dan juga nilai-nilai keadilan sosial," katanya.

Najib turut meminta OIC memberi perhatian kepada isu-isu keselamatan dan kemanusiaan di rantau Asia Tenggara, khususnya di Selatan Filipina, Selatan Thailand dan isu pelarian Rohingya.

Dalam pada itu Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala di luar persidangan dengan beberapa pemimpin antaranya Presiden Erdogan, Perdana Menteri Turki, Ahmet Davutoglu dan Menteri Luar Arab Saudi, Adel Al-Jubeir.

Najib turut bertemu Presiden Lebanon, Tammam Salam; Presiden Libya, Faiez Mustafa Serrag; Presiden Afghanistan, Abdullah Abdullah dan Presiden Guinea, Alpha Conde. - UTUSAN